



WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR
GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE



**Kaedah-Kaedah
Lembaga Tatatertib Perkhidmatan
Pihak Berkuasa Tempatan
Negeri Johor
1992 dan
(Pindaan) 2011**

***Johor State Local Authority
Service Disciplinary Board
Regulations
1992 and
(Amendment) 2011***

Jenis Sumber Kuasa	Perundangan Subsidiari – Kaedah / <i>Rules @ Regulations</i>
Nombor Sumber Kuasa	Kaedah 1
Versi	Bahasa Melayu
Nombor Warta	J. P.U. 45 / 1992, J. P.U. 2 / 2011
Tarikh Warta	05 November 1992, 20 Januari 2011
Tarikh Berkuat Kuasa	01 Januari 2020



**UNIT UNDANG-UNDANG
MAJLIS PERBANDARAN PENERANG**

Majlis Perbandaran Pengerang, No. 7, Jalan Kempas 1
Taman Djaru Utama, 81930 Bandar Penawar, JOHOR
07-886 2692 07-886 2656 legakunit@mppengerang.gov.my



NEGERI JOHOR



Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 36
No. 23

5hb November 1992

TAMBAHAN No. 15
PERUNDANGAN

J. P.U. 45.

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA TATATERTIB
PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
NEGERI JOHOR 1992**

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 17 Akta Kerajaan Tempatan 1976, semua Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Johor yang diisytiharkan menurut seksyen

3 Akta tersebut, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri Johor, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor 1992**. Nama.
2. Maka adalah dengan ini ditubuhkan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor (kemudian daripada ini disebutkan sebagai "Lembaga") yang mengandungi ahli-ahli sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama. Penubuhan Lembaga.
3. Lembaga adalah mempunyai bidang kuasa dan hendaklah menjalankan tugas-tugasnya di dalam perkara-perkara berhubung dengan tatatertib atas semua orang yang menjadi anggota sesuatu Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Johor. Tugas-tugas Lembaga.
4. Lembaga adalah mempunyai bidang kuasa dan hendaklah menjalankan mesyuarat pada suatu tarikh, tempat dan masa mengikut sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengerusi. Mesyuarat Lembaga.
5. Segala masalah yang berbangkit di dalam mesyuarat Lembaga hendaklah diputuskan mengikut kelebihan undi dan jika sekiranya bilangan undi itu sama banyak, Pengerusi adalah berhak memberi undi pemutus. Undi.
6. Pengerusi hendaklah bertanggungjawab menyimpan rekod-rekod mengenai semua mesyuarat Lembaga. Minit-minit.
7. Pada menjalankan tugas-tugas di bawah Kaedah-kaedah ini, Lembaga hendaklah mematuhi dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang dinyatakan atau ditetapkan di dalam Perintah-perintah Am atau lain-lain perintah pentadbiran atau arahan yang pada masa ini dikeluarkan dengan sahnyanya dan berkuatkuasanya. Dasar-dasar dan prosedur perjalanan Lembaga.
8. Dengan tidak menyentuh peruntukan kaedah 7, tiada apa-apa jua perintah untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat mana-mana pegawai yang ke atasnya Lembaga mempunyai bidang kuasa boleh diperbuat oleh Lembaga dalam sesuatu penyiasatan melainkan pegawai-pegawai itu telah diberitahu dengan bertulis tentang alasan-alasan yang Lembaga itu bercadang hendak mengambil tindakan dan telah diberi peluang yang berpatutan untuk membela dirinya. Peluang untuk membela diri.
9. Sebelum membuat sesuatu keputusan, Lembaga boleh, dalam hal yang tertentu, menghendaki supaya suatu penyiasatan atau sebahagian daripada sesuatu penyiasatan itu dijalankan oleh seorang atau sekumpulan orang lain bagi maksud mendapatkan apa-apa syor mengenai apa-apa perkara yang difikirkan perlu oleh Lembaga. Penyiasatan oleh seseorang atau sekumpulan orang lain.
10. (1) Bagi maksud Kaedah-kaedah ini, maka adalah dengan ini ditubuhkan Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor (di dalam kaedah ini disebutkan sebagai "Lembaga Rayuan Tatatertib") yang mengandungi ahli-ahli sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua. Lembaga Rayuan.
 (2) Tugas-tugas Lembaga Rayuan Tatatertib ialah untuk menerima, menimbang dan memutuskan apa-apa rayuan yang dibuat mengikut peruntukan Kaedah-kaedah ini mengenai apa-apa keputusan Lembaga itu berhubung dengan tatatertib seseorang pegawai dalam perkhidmatan yang disebutkan di bawah kaedah 3 yang ke atasnya Lembaga mempunyai bidang kuasa.

Rayuan.

11. Sesiapa juga yang tidak berpuas hati atas keputusan Lembaga bolehlah merayu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuh di bawah kaedah 10.

Prosedur bagi Lembaga Rayuan.

12. (1) Sesuatu rayuan hendaklah diperbuat dengan bertulis oleh seseorang yang tersebut di atas (kemudian daripada ini disebutkan sebagai "Perayu") kepada Lembaga Rayuan Tatatertib melalui Ketua Jabatannya. Rayuan itu hendaklah diperbuat kepada Ketua Jabatannya dalam tempoh 14 hari mulai daripada tarikh penyampaian kepadanya keputusan bertulis yang terhadapnya rayuan itu hendak diperbuat. Ketua Jabatan itu hendaklah menghantar rayuan itu bersama-sama dengan ulasan-ulasannya kepada Lembaga dengan secepat mungkin.

(2) Apabila menerima rayuan di bawah kaedah 11, Pengerusi Lembaga, atau sekiranya Pengerusi itu tidak ada, ahli yang diwakili oleh Pengerusi itu untuk berbuat demikian hendaklah menyebabkan supaya disediakan rekod-rekod atau suatu ringkasan rekod-rekod mengenai perjalanan tindakan Lembaga dan kenyataan yang menerangkan alasan-alasan yang menurutnya Lembaga itu telah mencapai keputusannya.

(3) Rekod-rekod atau ringkasan rekod-rekod dan alasan-alasan keputusan itu hendaklah dihantar kepada Lembaga Rayuan Tatatertib tidak lewat daripada 30 hari mulai daripada tarikh rayuan itu diterima oleh Lembaga.

Perbicaraan Rayuan.

13. (1) Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib itu hendaklah memanggil suatu mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib untuk menimbangkan rayuan itu.

(2) Lembaga Rayuan Tatatertib hendaklah memutuskan sesuatu rayuan itu dengan semata-mata berdasarkan atas keputusan alasan-alasan rayuan itu sahaja dengan tidak menerima apa-apa kenyataan atau keterangan selanjut:

Dengan syarat bahawa Lembaga Rayuan Tatatertib dengan tertakluk kepada hak Perayu untuk membela diri boleh mengikut budi bicaranya semata-mata, meminta apa-apa pernyataan atau keterangan daripada sesiapa jua pun jika Lembaga Rayuan Tatatertib itu berpendapat bahawa adalah adil dan saksama untuk berbuat demikian.

(3) Lembaga Rayuan Tatatertib selepas menimbangkan rayuan itu, boleh merujuk kes itu kepada Lembaga untuk perbicaraan semula atau boleh mengesahkan atau mengubah keputusan Lembaga.

(4) Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib adalah muktamad.

Prosedur-prosedur Lembaga Rayuan.

14. (1) Prosedur-prosedur yang diperbuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor bagi maksud mengawal prosedurnya yang berkuatkuasa pada masa itu hendaklah dipakai kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuh di bawah kaedah 10 dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu seolah-olah prosedur-prosedur itu menjadi sebahagian daripada Kaedah-kaedah ini.

(2) Peruntukan Kaedah-kaedah ini berhubung dengan pengundian dan minit mesyuarat berkenaan dengan Lembaga hendaklah dipakai kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuh di bawah kaedah 10 dengan apa-apa pengubahsuaian yang perlu dan dalam peruntukan yang tersebut di atas itu rujukan mengenai Pengerusi hendaklah diertikan sebagai rujukan mengenai Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah kaedah 10 dan rujukan mengenai ahli-ahli Lembaga hendaklah diertikan sebagai rujukan mengenai ahli-ahli Lembaga Rayuan Tatatertib.

15. (1) Tiada apa-apa jua pun dalam kaedah-kaedah ini boleh menyentuh apa-apa perbuatan yang dilakukan atau langkah-langkah perbicaraan yang dimulakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor sebelum kaedah-kaedah ini mula berkuatkuasa; dan semua perbuatan dan langkah pembicaraan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dilakukan atau dimulakan oleh Lembaga atau Lembaga Rayuan Tatatertib seolah-olah kaedah-kaedah ini telah berkuatkuasa. Kecualian.

(2) Tiada apa-apa jua pun dalam kaedah-kaedah ini boleh disifatkan sebagai menyentuh atau menghapuskan apa-apa kuasa, keistimewaan, atau perlindungan yang diberi kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.

JADUAL PERTAMA

KEANGGOTAAN LEMBAGA TATATERTIB PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR

(Kaedah 2)

Ahli-ahli Lembaga ialah seperti berikut:

(i) Bagi Majlis Perbandaran Johor Bahru:

Pengerusi	—	Timbalan Yang Dipertua
Ahli	—	Setiausaha Majlis Perbandaran
Ahli	—	Ketua Bahagian

(ii) Bagi Majlis-majlis Daerah:

Pengerusi	—	Yang Dipertua Majlis Daerah yang berkenaan
Ahli	—	Setiausaha Majlis Daerah yang berkenaan
Ahli	—	Ketua Bahagian

JADUAL KEDUA

KEANGGOTAAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB


(Kaedah 10)

Ahli-ahli bagi Lembaga Rayuan Tatatertib bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor ialah seperti berikut:

Pengerusi	—	Setiausaha Kerajaan Johor
Ahli	—	Penasihat Undang-Undang Negeri Johor
Ahli	—	Pegawai Kewangan Negeri Johor atau Pengarah Tanah dan Galian, Johor
Setiausaha	—	Ketua Penolong Setiausaha Cawangan Per- khidmatan Negeri Johor

Diperbuat pada 18hb November 1981.
[SUKJ. CP. 154/4/1; PUNJ. 105 (UK).]

ABDUL MALICK BIN AWANG,
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Johor*



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55
No. 2

20hb Januari 2011

*TAMBAHAN No. 1
PERUNDANGAN*

J. P.U. 2.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA TATATERTIB

PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR (PINDAAN) 2011

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 17(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Pasir Gudang sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan yang telah diisytihar di bawah seksyen 3 Akta tersebut, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah yang berikut:

Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor (Pindaan) 2011** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 September 2010.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perkara (i) Jadual Pertama, Keanggotaan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor dipinda dengan memasukkan perkataan “dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang” selepas perkataan “Majlis Perbandaran Johor Bahru”.

Bertarikh 16 April 2010
[MPPG:UUU/PA/2/33]

HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pasir Gudang

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor